

**KAJIAN SEJARAH, NILAI WARISAN, ISU DAN CABARAN TERHADAP
ISTANA LEBAN TUNGGAL, PEKAN, PAHANG: KAJIAN KOMPREHENSIF**

NURUL AIN NATASYA BINTI ALIAS

C20A1337

UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
MALAYSIA
2024
KELANTAN



**KAJIAN SEJARAH, NILAI WARISAN, ISU DAN CABARAN TERHADAP
ISTANA LEBAN TUNGGAL, PEKAN, PAHANG: KAJIAN KOMPREHENSIF**

NURUL AIN NATASYA BINTI ALIAS

C20A1337

**PROJEK PENYELIDIKANINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

MALAYSIA
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
KELANTAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institusi.




AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)



SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972




TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh



Tandatangan Penyelia

Tarikh: 15 FEBRUARI 2024

Nama:
Tarikh:

PENGHARGAAN

Terima kasih kami ucapkan,
Kerana kalian sentiasa membantu,
Jasa dan bakti jadi taruhan,
Akan dikenang setiap waktu.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas lipah dan kurnia-Nya menganugerahkan nikmat kehidupan dan kekuatan diri. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, sahabat serta keluarga baginda yang mulia.

Syukur dilafazkan akan segala pemberian-Nya, tiada keupayaan diri melainkan dengan izin Allah SWT juga *kajian Sejarah, Nilai Warisan, Isu Dan Cabaran Terhadap Istana Leban Tunggal, Pekan, Pahang: Kajian Komprehensif* ini dapat dihasilkan untuk tatapan para pencinta dan pengkaji tradisi lisan ini. Proses penyelidikan ini bukan sahaja menjadi perjalanan akademik, tetapi juga pengalaman berharga yang telah memberikan pandangan, pengetahuan dan kemahiran baharu.

Sesungguhnya, kajian ini merupakan cetusan ilham dan kajian penulisan ke arah pengisian ruang kosong dalam keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Kajian ini juga merupakan tiang kepada pengkajian tesis yang dijalankan oleh penulis di peringkat pengajian Sarjana Muda, Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Penulis mengharapkan agar ilmu yang ditintarkan ini berupaya menambahi ruang ilmu, landasan untuk membantu penyelidikan ke arah memartabatkan lagi kajian-kajian lepas ini. Justeru, pengkajian terhadap bidang ini merupakan medium penting demi memartabatkan korpus di dalam bidang pendidikan. Kajian ini juga menunjukkan perbincangan mengenai 5 bab penting.

Seterusnya, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada mentor saya, Encik Sahrudin Bin Mohamed Som. Terima kasih atas bimbingan, arahan dan sokongan beliau yang luar biasa sepanjang penyelidikan ini. Keterbukaan dan kesediaannya untuk berkongsi pengetahuan telah membimbang saya dengan baik, membantu saya mengatasi setiap cabaran, dan mendorong saya untuk mencapai kemajuan yang ketara.

Tidak terkecuali, terima kasih kepada keluarga saya atas doa, sokongan dan pemahaman mereka. Kehadiran dan semangat positif keluarga saya menjadi sumber kekuatan saya dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perjalanan ini. Segala sumbangan sama ada besar mahupun kecil mempunyai peranan yang tidak ternilai dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga hasil kajian ini dapat memberi sumbangan yang positif dan berguna kepada perkembangan ilmu pada masa hadapan.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii - iii
ISI KANDUNGAN	iv
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	
1.2.1 Pahang (Zaman Kesultanan Pahang)	2 - 13
1.2.2 Sejarah Ringkas Bandar Pekan	
1.3 Permasalahan Kajian	13 - 14
1.4 Persoalan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Skop Kajian	15 - 16
1.7 Kepentingan Kajian	17 - 18
1.8 Kesimpulan	19

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20 - 21
2.2	Latar Belakang Istana Leban Tunggal	22 - 23
2.3	Reka Bentuk Dan Seni Bina Istana Leban Tunggal	24 - 25
2.4	Nilai Kepentingan Warisan Istana Leban Tunggal	26 - 27
2.5	Penyelidikan Dan Kajian Terdahulu Mengenai Istana Leban Tunggal	28
2.6	Jurang Penyelidikan	29 - 30
2.7	Kesimpulan	31 - 32

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Kaedah Kajian	
3.3.1	Kaedah Kualitatif	35
3.4	Teknik Pengumpulan Data	
3.4.1	Data Primer	35 - 38
3.4.2	Data Sekunder	
3.5	Instrumen Kajian	39
3.6	Analisis Kajian	39 - 40
3.7	Carta Alir Kajian	40
3.8	Kesimpulan	41

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	42
4.2	Proses Dapatan Kajian	43
4.3	Hasil Dapatan Kajian	43 - 70
4.3.1	Sejarah Istana Leban Tunggal	
4.3.2	Nilai Kepentingan Warisan	
4.3.3	Isu Dan Cabaran Pemeliharaan Istana	
4.4	Rumusan	70 - 72

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	73
5.2	Cadangan	73 - 75
5.3	Kesimpulan	75

RUJUKAN

76 - 77

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Istana Leban Tunggal Sisi Kiri	2
Rajah 1.2	Istana Leban Tunggal Sisi Kanan	3
Rajah 1.3	Bandar Pekan Lama (1868)	9
Rajah 1.4	Pelan Kunci Bandar Pekan	12
Rajah 1.5	Pelan Tata Letak Bandar Pekan	12
Rajah 4.1	Istana Leban Tunggal Pada Zaman (1938)	45
Rajah 4.2	Dua Ekor Singa Di Depan Istana	46
Rajah 4.3	Pelan Lantai Bawah Perpustakaan	55
Rajah 4.4	Pelan Lantai Atas Perpustakaan	55
Rajah 4.5	Kerja-Kerja Konservasi Dan Naik Taraf (2023)	60
Rajah 4.6	Istana Leban Tunggal (2023)	62
Rajah 4.7	Reka Bentuk Tiang-Tiang Bulat Istana Leban Tunggal	63
Rajah 4.8	Seni Ukiran Melayu Bermotifkan Flora	63
Rajah 4.9	Siling Pecah Dalam Kubah	70

SENARAI CARTA ALIR

Carta Alir	3.1	Carta Alir Kajian	40
Carta Alir	4.1	Keluarga Tengku Besar Sulaiman	50
Carta Alir	4.2	Salasilah Ringkas Bendahara Dan Sultan Pahang (1770-1991)	52
Carta Alir	4.3	Sejarah Perjalanan Istana Leban Tunggal Sehingga Kini	56
Carta Alir	4.4	Nilai Kepentingan Warisan	57
Carta Alir	4.5	Isu Dan Cabaran Pemeliharaan	65

SENARAI PETA

Peta	1.1	Peta Daerah Pekan (2023)	16
------	-----	--------------------------	----

**KAJIAN SEJARAH, NILAI WARISAN, ISU DAN CABARAN TERHADAP
ISTANA LEBAN TUNGGAL, PEKAN, PAHANG: KAJIAN KOMPREHENSIF**

ABSTRAK

Menurut Kamus Dewan edisi ke-4, istana merupakan mahligai atau kediaman bagi golongan raja dan bangsawan. Hal ini dapat dilihat bangunan Istana Leban Tunggal mempunyai gaya reka bentuk bangunan tradisional. Istana Leban Tunggal merupakan sebuah bangunan bersejarah yang memiliki peristiwa-peristiwa dan nilai warisan yang tinggi. kajian lebih mendalam telah dilakukan mengenai sejarah istana, nilai warisan serta isu dan cabaran pemeliharaan terhadap istana. Kaedah kualitatif telah digunakan melalui kaedah pemerhatian dan temubual responden secara terus untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang lebih terperinci. Oleh itu, Kajian ini memberikan perspektif yang penting dalam menghargai dan memahami pentingnya warisan budaya Melayu yang terkandung dalam istana ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

HISTORY, HERITAGE VALUES, ISSUES, AND CHALLENGES OF TUNGGAL, PEKAN, AND PAHANG: COMPREHENSIVE KNOWLEDGE

ABSTRACT

According to the 4th edition of the House Dictionary, the palace is the residence of the kings and nobles. It can be seen that the building of the Istana Leban Tunggal has a traditional building design style. The Istana Leban Tunggal is a historic building that has high historical events and heritage values. More in-depth research has been done on the history of the palace, its heritage value as well as the issues and challenges of its maintenance. Qualitative methods have been applied through observation methods and interviewing respondents directly to obtain more detailed data and information. Therefore, this study provides an important perspective in appreciating and understanding the importance of the Malay cultural heritage contained in this palace.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan edisi ke-4, istana bermaksud tempat atau kediaman diraja. Malaysia adalah rumah kepada pelbagai khazanah sejarah dan negara serta bangunan bersejarah yang berharga. (Syed Zainol Abidin Idid, 1995), terdapat lebih kurang 35,000 bangunan bersejarah di 265 bandar yang ditinjau di seluruh negara yang perlu dijaga dan dipelihara. Namun begitu, istana ini juga diklasifikasikan sebagai monumen bersejarah, kerana ia mempunyai sejarah dan nilai estetika yang berbeza untuk bangunan tersebut.

Menurut Jabatan Muzium Malaysia istana merupakan sebuah institusi yang berperanan sebagai muzium zaman silam di alam Melayu. Ia menjadi tempat mengumpul segala bentuk kesenian, warisan dan adat resam setempat seperti manuskrip, senjata, ukiran, tekstil serta hasil kerja yang terbaik dan berkualiti tinggi sehingga menjadi rujukan sehingga ke hari ini. Istana juga melambangkan kedaulatan dan kekuasaan seseorang sultan serta menjadi lambang bagi kerajaannya. Lazimnya pembinaan istana adalah dalam lokasi strategik dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bersesuaian dengan status sosialnya. Kini, istana masih lagi terletak di pusat tumpuan utama penempatan (Daeng Haliza, Norzalinda & Zuliskandar, 2020).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Lynch (1960) mengatakan bahawa imej atau identiti sesebuah bandar boleh dilihat gaya seni bina bangunannya. Hal ini dapat dilihat bangunan Istana Leban Tunggal mempunyai gaya reka bentuk bangunan melayu. Istana Leban Tunggal merupakan sebuah bangunan bersejarah yang memiliki kekayaan budaya dan nilai seni bina yang tinggi. Terletak di Pekan, Pahang, istana ini menjadi lambang penting dalam sejarah dan identiti budaya Pahang serta Malaysia secara keseluruhannya. Ia dibina pada pertengahan abad ke-19 oleh Almarhum YAM Tengku Besar Pahang II, Tengku Sulaiman ibni Almarhum Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah. Istana Leban Tunggal memancarkan pesona arsitektur Melayu klasik yang memukau. Istana ini tidak hanya berfungsi sebagai kediaman rasmi Sultan Pahang dan keluarganya, tetapi juga menjadi tempat penting untuk menjalankan urusan kerajaan dan balai penghadapan. (Jasmin Juanid, M.Nasir Ab Samad, Ahmad Badri, M.Zawawi, Lulu Albasrawy & Naziaty M. Yaacob ,1982)



Rajah 1.1: Istana Leban Tunggal Sisi kiri

Sumber: Penyelidik (2023)



Rajah 1.2: Istana Leban Tunggal Pandangan Hadapan

Sumber: Penyelidik

1.2.1 Pahang (Zaman Kesultanan Pahang)

Sejarah penubuhan Pahang merangkumi beberapa siri peristiwa menarik dan penting yang membentuk jati diri dan pembangunan negara sehingga menjadi antara negeri terbesar di Semenanjung Tanah Melayu. Pahang juga merupakan antara negeri tertua di Semenanjung Malaysia selepas Patani, dan dipercayai lebih tua daripada Kesultanan Melayu Melaka. Sejak zaman prasejarah, Pahang telah mengalami perubahan dan pembangunan yang mencerminkan warisan budaya dan kekayaan alam semula jadinya. Menurut Zhao Ruguo Zhu Fanzhi (1225), diterjemahkan daripada *A Description of*

Barbarian Nations, Records of Foreign People rekod asing termasuk aktiviti perdagangan di seluruh negara dan sumber yang dikawal oleh San Fo Qi yang dipanggil Peng-Keng. Ia dikatakan telah direkodkan. Pengkeng atau negeri Pahang moden. Tambahan pula, orang Eropah dan Arab memanggil Pahang sebagai Pam dan Fanhan pada masa itu.(Farid, A., & Yusuf Adam Broughton. , 2022)

Kitab suci juga membuktikan bahawa negeri Pahang telah wujud sejak abad ke-10 di bawah pemerintahan Srivijaya. Pahang kemudiannya ditakluki oleh Empayar Majapahit di bawah Raja Hindu Ligor. Pada abad ke-13, Pahang juga diserap ke dalam Empayar Siam, diperintah oleh seorang raja bernama Maharaja Dewa Sura. Selepas itu, Pahang diserang oleh Melaka dan menjadi negeri bawahan Melaka. Di samping itu, pada akhir abad ke-14, Pahang telah diperintah selama 150 tahun berikutnya oleh raja-raja Melayu yang merupakan keturunan raja-raja Melayu Melaka. (Farid, A., & Yusuf Adam Broughton., 2022)

“Terdapat banyak variasi nama Pahang. Penulis sejarah Cina Chau Juqua mengenalinya sebagai Pong Phong. Menurut Sekuel Ensiklopedia Ma Tuan Lin, negeri Pahang dinamakan sempena Shem Lao. Oleh orang Arab dan Eropah, tanah itu dipanggil Pam, Pan , Paam, Paon, Faan, Fan, Paham, Pahang, Pahaun, Faun, atau Pahang. Virgil” Camoin menulis pada abad ke-16: “Lihatlah, Pam, dan Pathan, dan Siam dari kegelapan, memerintah atas semua dengan kekuasaan raja. ”

A History of Pahang, W. Linehan (1936).

Bahagian: Pengenalan.

Rujukan ditulis seperti (Iskandar, Y., & Gopinath, A., 1992), pada abad ke-17, Pahang mula menarik perhatian saudagar asing. Kedatangan mereka membawa perubahan dinamik dalam aspek sosial dan ekonomi Pahang. Pada akhir abad ke-18, Kesultanan Pahang yang merdeka telah ditubuhkan di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Al Muazzam Shah, menandakan kemerdekaan Pahang daripada pengaruh Kesultanan Melaka. Pembangunan Pahang diteruskan dengan kedatangan peneroka Eropah. Pada abad ke-19, Pahang telah menyaksikan pelbagai pertempuran dan perjanjian antara Kesultanan Pahang dengan penjajah khususnya British. Perjanjian Pangkor 1874 dan Perjanjian Penuh Pahang 1888 merupakan contoh perjanjian yang mengawal hubungan antara Kesultanan Pahang dengan penjajah British. Pada awal abad ke-20, Pahang kekal sebagai sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu, yang ditubuhkan oleh penjajah British. Hasilnya, Pahang menjadi sebuah negeri merdeka bagi Persekutuan Malaysia pada tahun 1957. (Iskandar, Y., & Gopinath, A., 1992)

Oleh itu, Pahang terus membangun sebagai sebuah negeri yang kaya dengan ekonomi yang pelbagai termasuk pertanian, perlombongan, dan pelancongan. Keindahan semula jadi yang luar biasa, warisan budaya yang kaya dan sumbangannya kepada pembangunan Malaysia menjadikan Pahang destinasi menarik untuk diterokai dan dialami. Sejarah penubuhan Pahang

membuktikan perjalanan yang jauh dan banyak peristiwa berlaku semasa proses penubuhan.

(Farid, A., & Yusuf Adam Broughton, 2022) menceritakan mengikut sejarah, Pahang merupakan salah satu tempat transit dan kediaman pedagang asing. Ini dikatakan kerana negeri ini merupakan wilayah pengeluar beras dan kaya dengan bahan mentah dan sumber mineral. Kedatangan saudagar asing ke Pahang menjadi fenomena yang memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi dan budaya pada masa itu. Oleh itu, hubungan perdagangan dengan pedagang asing telah membentuk corak kehidupan ekonomi dan sosial Pahang dan memberi negeri itu pelbagai nama dan gelaran. Mengikut sejarah Pahang oleh W.Linehan (1936) berkata:

"Nama lama Pahang ialah Inderapura. Ibu negeri Pahang sentiasa dikenali sebagai 'Pekan Lama'. Orang pra-Malaka memanggilnya "Pura" dalam bahasa Sanskrit, orang Malaysia memanggilnya "Pekan" dan Portugis memanggilnya "Cidade(Bandar)". Penduduk Endau, Rompin, dan Bebar merujuk kepada ibu negara sebagai Pekan Pahang, atau "Kota Pahang".

"Pula mungkin telah tersebar di kawasan yang lebih luas daripada bandar yang kita kenali sebagai Pekan. Selain kawasan Pekan masa kini, ia juga kelihatan termasuk tanah di tebing Sungai Pahang Tua sehingga ke Tanjung Langgar. Pekan dibahagikan kepada "pekan

lama” dan “pekan baru”. Pekan Lama telah menjadi kediaman khas untuk bangsawan Melayu sejak Laksamana Materif melawat pada tahun 1607. Nama lama Pekan Baru bermula pada awal abad ke-17 dan merupakan Kampung “China Town”. ”

A History of Pahang, W. Linehan (1936).

Bahagian: Pengenalan.

Selain itu, kitab Hikayat Hang Tuah Melayu kuno juga menggambarkan Pahang dan Pekan Lama yang dikenali sebagai Indera Pura atau Pahang Iderapura. Menurut Syair Juragan Budiman (1940), negeri Pahang dikenali sebagai Zamin Eran dan disebut sebagai Pahang Tua dalam kebanyakan rekod kuno. Menurut dokumen sejarah rasmi China, negeri Pahang dikenali dengan pelbagai nama, antaranya Panheng, Penheng, Panhan, Pongphong, Pehan, dan Pangkang. Pendatang Arab dan Eropah pula pernah dikenali sebagai pam, pan, paam, pao, paon, fan, paham, farhan, dan pahag. Mengulas kisah yang ditulis oleh Encik Massudi, GR Tibbetts berkata: Fanjab ditulis dalam tulisan Arab dan Fanjab dipanggil Fanhan, Panhan, atau Panhan. (Iskandar, Y., & Gopinath, A, 1992)

Tambahan pula, W. Linehan (1936) Sejarah Pahang menyatakan bahawa nama Pahang berasal daripada perkataan Khmer yang bermaksud timah. Ini mungkin kerana nama itu mungkin berasal dari negeri Pahang, di

mana terletaknya lombong bijih timah di Sungai Lembing dan Sungai Tembeling.

Seterusnya, (Farid, A., & Yusuf Adam Broughton, 2022) menceritakan negeri Pahang terkenal dengan cerita zaman berzaman yang mengisahkan nama Pahang berasal daripada sejenis pokok yang dikenali pohon mahang gergasi. Menurut kisah-kisah orang terdahulu, pokok mahang adalah sebagai penanda arah bagi para nelayan, kelasi kapal, pedagang dan juga lanun yang menggunakan sebagai pedoman. Hal ini telah menambah kerisauan dan kebimbangan Pemerintah Pahang. Oleh itu, baginda telah mengarahkan rakyatnya untuk menebang pokok itu. Ramai pemuda-pemuda yang handal serta tukang kayu cuba ingin menebang pokok tersebut tetapi usaha mereka sia-sia. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka percaya bahawa pokok tersebut mempunyai kuasa sakti dan memiliki semangat serta akan membawa malapetaka kepada sesiapa yang cuba menebangnya. Sehingga berita mengenai pohon mahang tersebar luas dan diketahui oleh Batin Tujuh Beradik. Setelah itu, mereka bersama-sama pergi ke pohon itu untuk ditebang tetapi satu persatu diantara mereka meninggal dunia sehingga batin bongsu berjaya menebang dan pohon itu telah tumbang merentasi sungai. Rentetan daripada peristiwa tersebut, maka nama pokok gergasi itu diambil menjadi sungai Mahang. Oleh yang demikian, mengikut daripada peredaran masa dan sebutan mahang lama kelamaan menjadi Pahang sehingga ke hari ini. (Farid, A., & Yusuf Adam Broughton, 2022)

1.2.2 Sejarah Ringkas Bandar Pekan

Asal usul nama Pekan di negeri Pahang Malaysia mempunyai kisah yang merangkumi unsur sejarah, budaya, dan geografi. Terdapat pelbagai versi dan legenda tentang asal usul nama bandar ini, dan kisah-kisah ini memberikan gambaran tentang budaya dan warisan bandar ini. Bandar Pekan telah menjadi ibu kota diraja Pahang sejak abad ke-13. Ia terletak kira-kira 11 kilometer dari Kuala Sungai Pahang, yang menjadi pintu masuk utama ke negeri ini sejak berabad-abad lamanya dan sejak itu menjadi sebuah bandar raya. Bandar ini terletak secara strategik untuk memudahkan kutipan cukai import ke atas aktiviti perdagangan, jual beli. Pekan juga merupakan pusat pentadbiran pertama Pahang, yang kemudiannya dipindahkan ke Kuala Lipis pada zaman penjajahan awal British dan ke Kuantan pada tahun 1955, di mana ia kekal sehingga kini. (Farid, A., & Yusuf Adam Broughton, 2022)



Rajah 1.3: Bandar Pekan Lama (1868)

Sumber: Perpustakaan Awam Daerah Kuantan awal (1900-an)

a) Gelaran "Pura" Daripada Bahasa Sanskrit

Menurut beberapa sumber sejarah, ketika negeri Pahang dikenali sebagai "Inderapura" dalam konteks pengaruh Hindu, masyarakat Hindu-Asli memberi gelaran "Pura" kepada ibu negeri tersebut. Gelaran ini kemudian diterjemahkan sebagai asal usul nama "Pekan". Sejarah Hindu ini menggambarkan hubungan awal Pahang dengan pengaruh budaya asing. (Farid, A., Jalal, A., Alias, A., Maimunah, S., Affandi, R., & Rahim, A., 2024)

b) Nama Bunga Pekan

Salah satu kisah yang sering diceritakan ialah Pekan mendapat namanya daripada sejenis bunga yang dipanggil "Bunga Pekan." Bunga ini dikatakan tumbuh di sepanjang tebing Sungai Pahang memberikan pemandangan yang cantik dan menarik perhatian. Warna putih bunga ini sering dibandingkan dengan seakan- akan bunga melur, bunga melati, *Jasminium sambac* atau *Thunbergia Fragrans* atau *Brunfelsia latifolia* yang memberi inspirasi kepada penduduk tempatan untuk memanggil bandar ini "Pekan." (Farid, A., Jalal, A., Alias, A., Maimunah, S., Affandi, R., & Rahim, A., 2024)


c) Pekan Pahang dari kaum Melayu dan Cina

Versi lain mengenai nama "Pekan" menyatakan bahawa orang Melayu yang tinggal berhampiran Sungai Endau, Sungai Rompin dan Sungai Bebar memanggilnya Pekan Pahang. Penduduk tempatan memberi gelaran ini untuk merujuk kepada kawasan perdagangan atau tempat jual beli yang aktif di tebing sungai.(Iskandar, Y., & Gopinath, A. ,1992)

d) Pembahagian Bandar dan Pembangunan Sejarah


Bandar ini juga dibahagikan kepada dua bahagian utama: bandar baru dan bandar lama. Pekan lama adalah kediaman raja-raja dan pembesar-pembesar Pahang, manakala pekan baru itu mungkin pada mulanya hanya dikenali sebagai kampung Cina sebelum diberi nama rasmi. Di samping itu, Pekan adalah rumah kepada sehingga 66 bangunan penjajah sebelum perang. 48 adalah bangunan runcit dan 18 adalah bangunan bebas. Kehadiran bangunan ini, terutamanya bangunan dengan gaya seni bina eklektik, mewujudkan landskap bandar (cityscape/jalan) dengan fasad bangunan, dinding dan bumbung yang tersendiri. Asal usul nama Pekan Pahang adalah pencarian identiti yang menggabungkan pelbagai unsur sejarah, budaya dan semula jadi. Kisah-kisah ini menghimpunkan warna-warna yang menggambarkan

perjalanan dan pembangunan bandar ini dari zaman dahulu sehingga kini. (Iskandar, Y., & Gopinath, A., 1992)



Rajah 1.4: Pelan Kunci Bandar Pekan

Sumber: Kajian Lukisan Terukur Universiti Teknologi Malaysia (1981/1982)



Rajah 1.5: Pelan Tata Letak Bandar Pekan

Sumber: Kajian Lukisan Terukur Universiti Teknologi Malaysia (1981/1982)

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Masalah kajian ialah John Dewey (1910) menyatakan dalam bukunya bahawa kaedah saintifik yang dijalankan mestilah bermula dengan masalah. Dalam kajian ini, penyelidik mengenal pasti masalah kekurangan pendedahan dan penerokaan istana. Ini mungkin kerana kajian mendalam tentang sejarah dan latar belakang Istana Leban Tunggal memerlukan sumber yang luas, termasuk akses kepada dokumen sejarah dan gambar tentang istana. Had ini mungkin menyebabkan kajian tidak memberikan bukti yang mencukupi semasa mencari maklumat dan data yang tersedia. Tambahan pula pihak muzium tidak mendedahkan kewujudan Istana Lebang Tunggal. Nota dan rujukan lain seperti buku dan dokumen saintifik tidak disediakan kepada penyelidik untuk rujukan atau kajian.

Di samping itu, seiring berjalannya masa, Pemeliharaan bangunan bersejarah merupakan aspek penting bagi memastikan warisan budaya negara terpelihara. Namun, kesedaran orang ramai tentang kepentingan perlindungan monumen masih kurang. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kurangnya kesedaran orang ramai terhadap pemeliharaan bangunan bersejarah ialah kurangnya pendidikan dan pengetahuan dalam masyarakat setempat. Masyarakat tidak memahami nilai sejarah,

seni bina dan identiti budaya yang terkandung dalam bangunan yang disenaraikan. Masyarakat juga tidak sedar akan faedah dan kepentingannya. Sesetengah masyarakat juga mungkin tidak mengetahui faedah dan kepentingan memelihara bangunan bersejarah. Mereka mungkin menganggapnya kurang relevan atau penting dalam kehidupan seharian mereka.

Oleh itu, hasil pemahaman penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji mengetahui maklumat keatas kajian ini mampu membuka minda masyarakat bertapa pentingkan pemeliharaan terhadap sesebuah bangunan bersejarah. Hal ini dapat memberi maklumat yang jelas terhadap generasi pada masa akan datang untuk mempelajari dan mengetahui nilai-nilai warisan di dalam kehidupan seharian mereka.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Penyelidikan ke atas Istana Leban Tunggal pada masa kini amat sesuai untuk dijadikan sebagai kawasan penyelidikan. Tambahan pula, Istana ini pernah dijadikan sebagai perpustakaan. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa persoalan yang menyebabkan tanda tanya oleh pengkaji. Antara persoalannya ialah:

1. Sejauh manakah sejarah dan latar belakang terhadap Istana?
2. Apakah nilai kepentingan warisan terhadap Istana Leban Tunggal?
3. Apakah isu dan cabaran pemeliharaan yang dihadapi oleh Istana Leban Tunggal?

1.5 **OBJEKTIF KAJIAN**


Objektif ini akan membantu dalam pemahaman yang lebih mendalam tentang sejarah, nilai kepentingan dan isu serta cabaran pemeliharaan terhadap Istana Leban Tunggal di Pekan, Pahang. Di dalam bahagian ini juga pengkaji telah mengemukakan beberapa objektif utama dalam kajian ini bagi menjawab permasalahan kajian:

1. Untuk mengenalpasti sejarah dan latar belakang Istana Leban Tunggal.
2. Untuk mengenalpasti nilai kepentingan warisan Istana Leban Tunggal.
3. Untuk menyiasat isu dan cabaran pemeliharaan Istana Leban Tunggal.

1.6 **SKOP KAJIAN**

Skop kajian ini dapat menggambarkan skop penyelidikan yang mana pengkaji boleh menjalankan penyelidikan. Sebelum Kuantan dinamakan sebagai ibu negeri Pahang, bandar tersebut dinamakan Ibu Kota Diraja. Bandar ini juga merupakan pusat pemerintahan Kesultanan Pahang sejak abad ke-15. Sebagai salah sebuah negeri di Malaysia, Pahang memainkan peranan penting dalam sejarah dan pembangunan Pahang. Tambahan pula, Bandar Pekan kaya dengan warisan budaya, tradisi dan budaya Melayu. Istana Lebang Tunggal di Pekan juga merupakan lambang penting warisan budaya Pekan dan Pahang. Akhirnya, pekan telah mengalami perubahan dan

perkembangan moden dari masa ke semasa. Penambahbaikan dalam infrastruktur, pusat pendidikan dan pusat membeli-belah telah mengubah landskap jalan Pekan dengan ketara.



Peta 1.1: Peta Daerah Pekan

Sumber: Portal Rasmi Majlis Daerah Pekan (2023) pada 1 Januari 2023

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan reka bentuk seni bina Istana Leban Tunggal yang terdapat di Pekan, Pahang. Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan yang bermanfaat kepada penyelidik serta kepada semua pihak yang terlibat secara langsung. Pengkaji juga berharap kajian ini juga dapat membantu pengkaji menjalankan penyelidikan berasaskan tujuan kajian dilakukan yang telah dinyatakan di bahagian objektif kajian.

Individu

Kepentingan kajian terhadap pengkaji ialah dapat mewujudkan rasa minat untuk melawati tempat-tempat bersejarah seperti istana. Selain itu, pengkaji akan melihat perspektif dan pandangan terhadap reka bentuk yang ditonjolkan di bangunan itu. Seterusnya, pengkaji juga turut diberikan pendedahan pengetahuan baru tentang bangunan bersejarah. Kepentingan ini turut memberi impak yang positif seterusnya dapat menyemai perasaan terhadap sejarah negara yang terdapat di istana.

Masyarakat

Seterusnya, peranan masyarakat dalam mengambil cakna terhadap kisah-kisah sejarah di sekeliling mereka seperti bangunan lama, muzium dan istana di kawasan mereka adalah sangat penting kerana ia dapat membantu pengkaji atau penyelidik membuat penyelidikan untuk mendapatkan maklumat. Tambahan pula, masyarakat dapat memahami nilai warisan Istana Leban Tunggal membantu menjaga dan melestarikan warisan budaya suatu daerah atau masyarakat tertentu. Kajian ini dapat membantu memahami nilai-nilai budaya yang terkandung dalam struktur bangunan tersebut dan mempromosikan kesadaran akan pentingnya menjaga dan melindungi warisan budaya kita. Selain itu, peranan masyarakat dalam menjaga warisan dan sejarah sesebuah negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, warisan kebangsaan merupakan khazanah yang penting dan diwarisi oleh masyarakat terdahulu kepada generasi sekarang seperti Istana Leban Tunggal di Pekan, Pahang.

1.8 KESIMPULAN

Rumusan keseluruhan dari bab ini adalah Istana Leban Tunggal adalah salah satu bangunan warisan yang terdapat di Pekan, Pahang sebagai tajuk bagi kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji. Terdapat beberapa persoalan kajian yang ingin dikaji berdasarkan pemilihan tajuk kajian. Daripada penemuan diatas, pengkaji mendapati bahawa objektif kajian belum dikaji oleh mana-mana penyelidik khususnya terhadap Istana Leban Tunggal. Hal ini menyukarkan pengkaji bagi mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai istana yang sudah ditinggalkan. Walau bagaimanapun, istana ini masih wujud sehingga ke hari ini dan bangunan tersebut sedang dalam proses baik pulih bangunan. Struktur reka bentuk bangunan mengalami perubahan kerana mengalami kerosakkan terhadap dinding bangunan itu. Akhir sekali, pengkaji berharap bahawa projek penyelidikan ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada penyelidik yang lain untuk membuat penyelidikan terhadap beberapa aspek yang bersesuaian dan menyelamatkan warisan negara daripada kemusnahan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Dalam kajian ini, kajian literatur berkaitan dengan ulasan dan pandangan daripada kajian lama supaya menjadi sebagai rujukan kepada penyelidik akan datang. Kajian ini juga memperolehi maklumat daripada sumber sekunder iaitu akhbar, buku, artikel, jurnal, penyelidikan lepas(thesis) dan sumber yang bersesuai dengan kajian yang ingin diselidiki. Selain itu, dalam bahagian ini juga akan membantu penyelidik dapat mengkaji lebih mendalam mengenai kajian dengan lebih sistematik dan teratur terhadap maklumat-maklumat yang berkaitan dengan data, idea dan teori yang ingin disampaikan.

Dalam pendahuluan ini, pengkaji akan memberikan gambaran umum tentang kajian yang akan dilakukan. Pengkaji juga akan memberikan penerangan ringkas mengenai Istana Leban Tunggal, Pekan, Pahang sebagai objek kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji reka bentuk Istana Leban Tunggal dan menghargai nilai sejarah, budaya, dan keunikan yang terkandung di dalamnya. Istana Leban Tunggal merupakan warisan bersejarah yang memainkan peranan penting dalam konteks sejarah Pekan, Pahang. Oleh itu, adalah penting untuk memahami sejarah dan konteks istana ini.

Pengurusan pemeliharaan terhadap Istana Leban Tunggal akan dikaji dengan teliti. Kajian akan melibatkan analisis sejarah, pendokumentasi, konservasi dan sebagai yang berkaitan dengan kajian ini. Dengan memahami sejarah, kita dapat menghargai keindahan dan keunikan Istana Leban Tunggal sebagai sebuah struktur bangunan yang bersejarah. Selain itu, nilai sejarah dan budaya yang terkandung dalam Istana Leban Tunggal akan diberikan penekanan. Istana ini mencerminkan tradisi dan warisan budaya masyarakat setempat. Oleh itu, penting bagi kita untuk mengenal pasti nilai-nilai ini agar dapat memelihara dan menghargai warisan budaya yang berharga ini.

Terdapat juga jurang penyelidikan yang perlu diisi dalam kajian ini. Beberapa aspek mengenai Istana Leban Tunggal belum dikaji sepenuhnya dan perlu diperdalam. Kajian ini akan memberikan sumbangan baru kepada literatur berkaitan dengan istana ini dan membantu dalam memahami secara lebih mendalam mengenai kepentingannya dalam konteks sejarah dan budaya Pekan, Pahang.

2.2 Latar Belakang Istana Leban Tunggal

Istana Leban Tunggal merupakan sebuah bangunan bersejarah yang terletak di Pekan, Pahang. Bagian ini akan membahas sejarah penubuhannya serta memberikan konteks yang lebih dalam mengenai istana ini. Sejarah Istana Leban Tunggal bermula pada zaman kerajaan-kerajaan Melayu di Pahang. Istana ini didirikan sebagai tempat kediaman untuk sultan dan keluarga diraja. Penubuhan istana ini dipercayai berlaku pada abad ke-19, ketika Pahang masih di bawah pemerintahan Kesultanan Pahang.

Istana Leban Tunggal memainkan peranan penting dalam sejarah Pekan, Pahang. Pekan merupakan ibu negeri Pahang dan merupakan pusat pemerintahan kesultanan pada masa lalu. Istana Leban Tunggal menjadi salah satu mercu tanda penting dalam struktur pemerintahan dan kehidupan sosial masyarakat setempat. Konteks sejarah Istana Leban Tunggal juga berkaitan dengan pengaruh budaya dan politik pada masa lalu. Pada zaman kesultanan, istana ini menjadi tempat penting bagi upacara rasmi dan majlis kerajaan. Di sinilah raja-raja dan pembesar-pembesar berkumpul untuk berunding, mengadakan pertemuan politik, serta menjalankan tugas-tugas pentadbiran (Abdullah, 2009).

Selain itu, Istana Leban Tunggal juga mempunyai hubungan dengan perkembangan sosial dan ekonomi Pekan. Sebagai pusat pemerintahan dan tempat tinggal raja, istana ini menjadi pusat aktiviti politik dan sosial. Ia turut mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat dan memberikan kesan terhadap ekonomi tempatan. Istana Leban Tunggal juga menjadi saksi perubahan politik yang terjadi di Pahang. Selama bertahun-tahun, istana ini telah menyaksikan peralihan kuasa di antara

kesultanan-kesultanan dan perubahan dalam sistem pemerintahan. Pengkajiannya dapat membantu kita memahami sejarah politik Pahang dan peranan istana ini dalam dinamika politik tempatan (Zaharuddin, 2023). Sebagai sebuah bangunan bersejarah, Istana Leban Tunggal juga mencerminkan seni bina tradisional Melayu. Reka bentuknya menampilkan ciri-ciri seni bina Melayu yang kaya dengan hiasan dan ukiran kayu yang rumit. Keunikan seni bina istana ini menjadi warisan budaya yang berharga dan perlu dipelihara untuk generasi masa depan.



2.3 Reka Bentuk dan Seni Bina Istana Leban Tunggal

Reka bentuk Istana Leban Tunggal memperlihatkan gaya arsitektur Melayu yang unik. Bangunan ini dibina dengan menggunakan kayu sebagai bahan utama. Ia menunjukkan penggunaan teknik pembinaan tradisional yang mengandungi elemen-elemen yang rumit dan rapi. Bentuk atap istana ini melengkung ke atas dengan hiasan berbentuk runcing di hujungnya, yang dikenali sebagai "puncak serunding". Reka bentuk atap yang khas ini memberikan pengaruh terhadap siluet keseluruhan istana, memberikan kesan elegan dan megah. Selain itu, istana ini mempunyai bilik-bilik yang luas dengan pintu dan tingkap yang besar. Pintu dan tingkap dihiasi dengan ukiran kayu yang rumit dan indah. Motif ukiran ini sering kali mengandungi unsur-unsur flora dan fauna tempatan, seperti bunga, daun, burung, dan binatang. Ukiran-ukiran ini menambah kehalusan kepada struktur bangunan dan mencerminkan kecekapan tukang ukir pada zaman itu (Abd Jalal, Rahim, & Manap, 2022).

Seni bina Istana Leban Tunggal juga menampilkan perpaduan yang harmoni antara fungsi dan estetika. Setiap ruangan dalam istana ini direka dengan teliti untuk memenuhi keperluan penghuni dan mengikut hierarki sosial. Contohnya, ruangan di bahagian hadapan istana mungkin ditujukan untuk menerima tetamu atau mengadakan majlis kerajaan, sementara bilik-bilik di bahagian belakang mungkin digunakan sebagai tempat kediaman atau tempat peribadi sultan dan keluarga diraja (Kadir & Mohd, 2021). Hiasan dan ukiran yang kaya dalam Istana Leban Tunggal tidak hanya menjadi unsur estetika semata-mata, tetapi juga memiliki makna simbolik. Motif-motif yang digunakan dalam seni bina ini mungkin mengandungi simbol-simbol

keagamaan, kesuburan, atau perlindungan. Contohnya, ukiran bunga melambangkan kehidupan yang berbunga-bunga dan rezeki yang melimpah. Semua elemen seni bina ini bekerja bersama-sama menciptakan suasana yang unik dan memberikan identiti yang jelas kepada Istana Leban Tunggal (Zaharuddin, 2023).



2.4 Nilai Kepentingan Warisan Istana Leban Tunggal

Nilai sejarah Istana Leban Tunggal sangatlah tinggi. Ia menjadi saksi perubahan dan peristiwa penting dalam sejarah Pahang. Istana ini menyimpan kenangan tentang masa pemerintahan kesultanan dan peralihan kuasa di Pahang. Ia mencerminkan kebesaran dan kekuasaan kerajaan-kerajaan Melayu di masa lalu. Melalui pemahaman terhadap nilai sejarahnya, kita dapat memahami perkembangan politik, sosial, dan budaya Pahang. Selain itu, istana ini juga mencerminkan nilai-nilai budaya Melayu yang kaya. Reka bentuk dan seni bina Istana Leban Tunggal mencerminkan kehalusan, keindahan, dan keunggulan seni bina tradisional Melayu. Motif ukiran kayu yang rumit dan hiasan yang indah menggambarkan kecekapan dan kreativiti tukang ukir Melayu (Kassim, Majid, Nawawi, & Qariyah, 2019). Istana ini juga menjadi simbol identiti budaya Melayu di Pahang dan menyumbang kepada kekayaan warisan budaya negara.

Keunikan Istana Leban Tunggal juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan warisan budaya Melayu. Istana ini merupakan contoh cemerlang arsitektur Melayu yang masih terpelihara dengan baik. Keunikan reka bentuk, hiasan, dan seni bina yang rumit menjadi daya tarikan yang mengagumkan. Istana ini menarik minat para pengunjung, termasuk pelancong tempatan dan antarabangsa, untuk melihat sendiri keindahannya. Ini memberikan peluang untuk mempromosikan seni bina tradisional Melayu dan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pemeliharaan warisan budaya (Abdullah, 2009).

Selain nilai-nilai sejarah dan budaya, Istana Leban Tunggal juga memiliki nilai keunikan yang membezakannya dari bangunan-bangunan lain. Ia merupakan salah satu contoh arsitektur Melayu yang megah dan berprestij. Keunikan reka bentuknya yang menggabungkan elemen-elemen seperti atap melengkung, hiasan ukiran kayu, dan puncak serunding memberikan keistimewaan kepada istana ini. Keunikan ini menggambarkan keunggulan seni bina Melayu yang telah menjadi warisan budaya yang unik (Zaharuddin, 2023).

2.5 Penyelidikan dan Kajian Terdahulu Mengenai Istana Leban Tunggal

Beberapa kajian terdahulu telah dilakukan untuk mengkaji aspek sejarah dan konteks Istana Leban Tunggal. Misalnya, beberapa kajian telah mengumpulkan dan menganalisis sumber-sumber sejarah yang berkaitan dengan istana ini, seperti arkib-arkib istana, dokumen-dokumen rasmi, dan catatan sejarah yang ada (Abd Jalal, Rahim, & Manap, 2022). Kajian ini memberikan gambaran tentang penubuhan, peranan politik, dan perkembangan sejarah istana ini dari perspektif sejarah. Selain itu, beberapa kajian terdahulu telah mengkaji reka bentuk dan seni bina Istana Leban Tunggal. Ini termasuk analisis terhadap elemen-elemen arsitektur, hiasan ukiran kayu, serta teknik pembinaan yang digunakan dalam pembinaan istana ini.

Kajian-kajian terdahulu juga telah memberikan penekanan kepada nilai sejarah, budaya, dan keunikan Istana Leban Tunggal. Beberapa kajian telah mengidentifikasi dan menganalisis nilai-nilai kepentingan warisan yang terkandung dalam istana ini, serta memberikan pemahaman tentang simbolisme dan makna di sebalik hiasan-hiasan dan ukiran kayu dalam konteks budaya Melayu (Kassim, Majid, Nawawi, & Qariyah, 2019). Kajian ini memberikan perspektif yang penting dalam menghargai dan memahami pentingnya warisan budaya Melayu yang terkandung dalam istana ini.

Namun, terdapat juga beberapa jurang penyelidikan yang perlu diisi. Beberapa aspek mengenai Istana Leban Tunggal masih belum dikaji sepenuhnya atau memerlukan penelitian yang lebih mendalam. Misalnya, kajian yang lebih terperinci mengenai teknik pembinaan, bahan-bahan yang digunakan, atau analisis ukiran kayu dalam konteks seni bina tradisional Melayu masih perlu dilakukan.

2.6 Jurang Penyelidikan

Salah satu jurang penyelidikan yang perlu diisi adalah dalam aspek sejarah Istana Leban Tunggal. Meskipun beberapa kajian terdahulu telah mengkaji sejarah istana ini, terdapat ruang untuk menggali lagi sumber-sumber sejarah yang ada dan menerokai aspek-aspek yang belum terungkap. Penyelidikan lanjut dapat dilakukan untuk meneliti kronologi peralihan kuasa di Pahang dan peranan istana ini dalam dinamika politik dan sosial pada masa itu. Selain itu, terdapat jurang penyelidikan dalam aspek sejarah dan pengurusan pemeliharaan Istana Leban Tunggal (Kadir & Mohd, 2021). Walaupun beberapa kajian terdahulu telah mengkaji seni bina tradisional Melayu dalam konteks istana ini, terdapat ruang untuk meneroka teknik pembinaan yang digunakan, sumber bahan-bahan yang digunakan, dan analisis mendalam terhadap hiasan dan ukiran kayu yang ada. Penyelidikan ini akan memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang seni bina Melayu dan keunikan Istana Leban Tunggal dalam konteks seni bina tradisional Melayu.

Selanjutnya, terdapat jurang dalam pemahaman nilai kepentingan warisan dan simbolisme dalam Istana Leban Tunggal. Walaupun beberapa kajian terdahulu telah mengenal pasti nilai-nilai budaya yang terkandung dalam istana ini, terdapat ruang untuk meneroka makna simbolik di sebalik hiasan-hiasan dan ukiran kayu yang ada. Penyelidikan lanjut dapat dilakukan untuk mengaitkan motif-motif hiasan dengan sistem kepercayaan, mitologi, atau tradisi budaya Melayu yang lebih luas. Hal ini akan membantu kita memahami lebih mendalam tentang keunikan budaya Melayu yang terpancar melalui Istana Leban Tunggal. Sebagai tambahan, terdapat juga jurang

penyelidikan dalam aspek pemuliharaan dan kelestarian Istana Leban Tunggal (Abdullah, 2009). Dalam usaha untuk memastikan warisan budaya ini dikekalkan untuk generasi masa depan, perlu ada kajian lanjutan mengenai pendekatan pemuliharaan dan pengurusan istana ini. Penyelidikan dalam bidang ini dapat melibatkan strategi pemuliharaan fizikal bangunan, penjagaan bahan-bahan sejarah, dan pengurusan pelancongan yang lestari (Kassim, Majid, Nawawi, & Qariyah, 2019).

Dengan mengenal pasti jurang-jurang penyelidikan ini, kajian ini dapat memberikan sumbangan penting kepada pengetahuan dan pemahaman mengenai Istana Leban Tunggal. Penyelidikan lanjutan dalam bidang-bidang yang belum dikaji sepenuhnya akan memperluas ruang lingkup pengetahuan tentang istana ini dan memberikan wawasan baru tentang keunikan dan kepentingannya. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan yang berharga kepada literatur tentang warisan budaya Melayu dan memberikan panduan dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan warisan budaya negara.

2.7 KESIMPULAN

Bab 2 Kajian Literatur memfokuskan kepada kajian menyeluruh Istana Leban Tunggal di Pekan, Pahang, dengan penekanan kepada kepentingan sejarah, budaya dan seni bina. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis reka bentuk dan seni bina istana serta menonjolkan nilai sejarah dan budayanya. Istana Leban Tunggal memainkan peranan penting dalam konteks sejarah Pahang dan mencerminkan warisan budaya dan sejarah masyarakat setempat. Kajian ini menyiasat kepentingan sejarah dan budaya istana dan menyerlahkan keperluan untuk mengiktiraf dan memelihara nilai budaya ini untuk generasi akan datang. Kajian mendalam tentang latar belakang sejarah dan kontekstual Istana Leban Tunggal, menelusuri asal usulnya kepada kerajaan Melayu Pahang pada abad ke-19. Ia mencerminkan pengaruh budaya dan politik pada masa itu dan berfungsi sebagai kediaman diraja dan pusat penting aktiviti politik dan kehidupan sosial.

Analisis seni bina Istana Leban Tunggal mendedahkan gaya seni bina Melayunya yang unik, dicirikan oleh ukiran kayu yang rumit, teknik bangunan tradisional, dan gabungan fungsi dan estetika yang harmoni. Kepentingan Istana Leban Tunggal terletak pada nilai seni bina sejarah, budaya dan uniknya, menjadikannya tapak warisan penting yang memerlukan pemeliharaan dan penyelidikan lanjut. Walaupun kajian lepas telah menyumbang kepada pemahaman tentang kepentingan sejarah, seni bina dan budaya Istana Leban Tunggal, terdapat jurang yang memerlukan siasatan lanjut. Jurang ini termasuk keperluan untuk penyelidikan terperinci tentang sejarah istana, elemen seni bina, simbolisme budaya

dan strategi pemuliharaan. Dengan mengisi kekosongan kajian ini, kajian ini bertujuan untuk memberikan pandangan berharga tentang keunikan dan kepentingan Istana Lebang Tunggal, seterusnya menyumbang kepada pemeliharaan dan pemahaman warisan budaya Malaysia. Akhir sekali, dalam bab ini memberikan gambaran terperinci tentang kepentingan sejarah, budaya, dan seni bina Istana Leban Tunggal di Pekan, Pahang. Kajian ini bertujuan untuk mengisi kekosongan dalam penyelidikan sedia ada, menyumbang kepada pemahaman dan penghayatan yang lebih mendalam tentang nilai sejarah dan budaya istana, dan akhirnya membimbing usaha untuk memelihara dan mengurus warisan budayanya.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 PENGENALAN

Di bahagian bab ini, pengkaji akan menjalankan beberapa cara pemerolehan dapatan kajian mengenai metodologi, kaedah kajian untuk mendapatkan maklumat terhadap kajian. Metodologi kajian ialah merupakan bentuk atau langkah bagaimana pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih jelas supaya dapat menyokong terhadap sesuatu kajian. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah temubual, kaedah lapangan dan kaedah internet. Selain itu, metodologi kajian amat penting bagi pengkaji dalam menjalankan kajian untuk memastikan maklumat dan data dapat diungkapkan dan jelas. Sebagai contoh, aspek pengumpulan data primer dan sekunder diambil kira dalam mendapatkan hasil kajian ini. Pendekatan kualitatif kemudiannya digunakan dalam kaedah analisis data untuk mencapai objektif kajian. Bab ini menerangkan teknik pengumpulan data analisis dan kesimpulan yang boleh dibuat dalam konteks analisis data.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut (Bryman, 2008) definisi bagi reka bentuk kajian ialah suatu kerangka bagi sebuah kajian untuk mendapatkan data serta menganalisisnya. Selain itu, (Robson, 2011) berpendapat bahawa reka bentuk kajian ini memainkan peranan yang sangat penting kerana ia dapat menukar persoalan kajian, kaedah kajian dan strategi persampelan.

Reka bentuk kajian yang dipilih adalah berdasarkan berasesuaian dengan kajian yang ingin dikaji. Di bahagian ini pengkaji akan menggunakan beberapa cara yang membantu pengkaji mendapatkan maklumat melalui menganalisis data bagi menjalankan persoalan kajian. Pengkaji telah memilih kaedah kualitatif dan perpustakaan bagi membentuk pangkalan data terhadap kajian ini. Kedua-dua kaedah ini adalah bagi menjawab semua persoalan yang belum dijelaskan oleh pengkaji. Kaedah kualitatif adalah merupakan kaedah yang tidak melibatkan data atau bilangan kerana ia hanya menggunakan nota pandangan atau catatan dan dokumen. instrumen yang digunakan adalah temu bual dan pemerhatian. Manakala kajian lapangan pula ialah pengkaji membuat pemerhatian terhadap kawasan yang dikaji. Oleh itu, kedua-dua kaedah ini dapat membantu pengkaji membentuk satu pangkalan data yang tepat dan sahih.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif. Kaedah ini bertujuan untuk memudahkan proses kajian semasa menganalisis hasil kajian.

3.3.1 KAEDAH KUALITATIF

Menurut (Lexy, 2007), pendekatan kualitatif ialah kaedah kajian yang menghasilkan data deskriptif yang boleh diselidiki. Tambahan pula, kaedah ini membawa kepada pemahaman tentang tingkah laku dan interaksi antara manusia. Selain itu, kaedah ini membantu penyelidik menanyakan soalan bebas kepada responden untuk dianalisis.

3.4 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Teknik ini adalah untuk memperoleh data yang digunakan secara terperinci. Maklumat yang digunakan adalah melalui data primer dan data sekunder. Data primer menggunakan kaedah lapangan dan temubual manakala data sekunder adalah melalui jurnal, buku dan sumber internet.

3.4.1 DATA PRIMER

Data primer merupakan data asal yang dikumpulkan secara khusus untuk menjawab persoalan kajian. Tambahan pula, sumber ini menghubungkan hubungan antara informan dengan pengkaji bagi menjawab segala persoalan yang diajukan oleh pengkaji. kaedah yang didapati melalui data primer ialah kaedah temu bual dan pemerhatian.

i) Temu Bual

Kaedah temu bual adalah visual dan auditori. Ia dijalankan secara bersemuka antara pengkaji dan pemberi maklumat. Kaedah ini membantu penyelidik mengumpul maklumat yang lebih mendalam dan terperinci. Kaedah ini sesuai digunakan kerana ia membolehkan pengkaji mencapai objektif kajian dan mendapatkan maklumat yang betul berdasarkan persoalan atau masalah kajian. Menurut (Sadiman, 2005), media dalam bentuk rakaman video ialah satu cara penyampaian maklumat secara lisan dan bukan lisan. Ini membolehkan pengkaji menonton semula, mendengar, dan menulis semula semua rakaman yang dirakam dalam bentuk transkrip untuk dijadikan bahan rujukan pengkaji. Para penyelidik juga menganggarkan bahawa tiga orang yang mempunyai maklumat tentang Istana Leban Tunggal boleh digunakan

sebagai pemberi maklumat untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh penyelidik.

ii) Pemerhatian

Pengkaji akan membuat pemerhatian di Istana Leban Tunggal Pekan, Pahang untuk mendapatkan maklumat kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat membuat analisis persekitaran dan tingkah laku berpandukan tujuan kajian. Selain itu, pengkaji akan membuat tinjauan di beberapa lokasi yang berada di sekitar istana tersebut.

3.4.2 DATA SEKUNDER

Data sekunder adalah data yang mengumpulkan maklumat daripada pelbagai sumber yang melibatkan internet, jurnal, artikel dan sebagainya untuk mencari maklumat tambahan. Sehubungan dengan itu, data ini dapat dikumpul dengan mudah dan cepat kerana mempunyai banyak bahan yang mudah didapati khususnya topik-topik yang ingin dikaji.

i) Jurnal

Sumber yang dicari melalui jurnal-jurnal yang berkaitan dengan bangunan warisan membantu pengkaji mencari maklumat dengan lebih

jelas melalui kajian-kajian lepas daripada pengkaji lain. Sumber maklumat ini juga memberi manfaat dan faedah kepada pengkaji kerana ia memberi ilmu tambahan yang lebih mendalam semasa membuat penyidikan.

ii) Buku

kajian ini juga turut menggunakan sumber dari pembacaan melalui buku-buku yang berkaitan Pahang dan istana-istana di Malaysia. terdapat beberapa buah buku yang telah digunakan sebagai rujukan, antaranya adalah *Pahang Dalam Catatan Kolonial, Tradisi Persejarahan Pahang Darul Makmur (1800-1930)*. buku-buku menceritakan mengenai sejarah awal Pahang dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Pahang.

iii) Sumber Internet

Internet memainkan peranan yang sangat penting kepada pengkaji untuk mengakses laman web untuk mencari info-info terkini. Pengkaji akan memperoleh maklumat dengan mudah dan cepat dengan adanya rangkaian internet yang stabil.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ialah pengkaji menggunakan peralatan yang diperlukan semasa menjalankan kajian. Antara peralatan yang diperlukan bagi pengkaji ialah telefon pintar, pen dan juga buku catatan untuk mencatat segala maklumat yang diperlukan semasa menemu bual responden. Selain itu, telefon pintar juga diperlukan bagi merekam video atau rekaman suara bagi rujukan pengkaji.


3.6 ANALISIS KAJIAN

Di bahagian ini, pengkaji dapat membuat analisis dengan menghuraikan dan menyelesaikan masalah kajian mengikut tingkah laku daripada awal hingga akhir. Pengkaji akan menemu bual responden dan mendapatkan jawapan dan pandangan daripada responden tertentu supaya pengkaji dapat membuat analisis berdasarkan video atau rakaman yang telah direkod oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji haruslah memindahkan jawapan menjadi data supaya pengkaji dapat menentukan tema yang ingin ditetapkan. Di samping itu, pengkaji haruslah mengambil tahu mengenai kajian-kajian lepas untuk mendapatkan data tambahan dan tepat mengetahui kajian. Akhir sekali, pengkaji haruslah menyusun maklumat yang penting mengikut kesesuaian tema.

Selain itu, pengkaji membuat menganalisis data dan maklumat berdasarkan kaedah yang digunakan semasa kajian dijalankan. Kajian ini menggunakan kaedah

kualitatif yang terdiri daripada aktiviti mengumpul data, analisis, dokumentasi dan membuat kesimpulan terhadap kajian. Tambahan pula, pengkaji memilih kaedah kepustakaan iaitu menambah maklumat melalui buku yang berkaitan dengan tajuk kajian.

3.7 CARTA ALIR KAJIAN



Carta Alir 3.1: Carta Alir Kajian

Sumber: Penyelidik (2023)

3.8 KESIMPULAN

Rumusan bagi bab ini, secara keseluruhannya pengkaji dapat membentuk beberapa kaedah untuk mendapatkan maklumat dengan lebih jelas dan cepat untuk menyelesaikan masalah kajian dan persoalan kajian. Kaedah kualitatif digunakan bagi membantu pengkaji mendapatkan informasi dan maklumat dengan lebih cepat sehingga tamat kajian akhir. Pengumpulan data adalah berdasarkan data primer dan data sekunder. Pengkaji juga telah memilih sumber tambahan mencari maklumat daripada kajian lepas dan internet bagi mengenal pasti topik dan isu yang ingin secara cepat. Di samping itu, di bahagian ini juga pengkaji dapat menganalisis data dengan lebih efisien dan lengkap.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan hasil dapatan yang telah dikaji. Bab ini juga merumuskan hasil kajian yang telah dijalankan, menggariskan penemuan utama yang ditemui melalui analisis kajian yang teliti. Hasil kajian ini memberikan pemahaman yang mendalam mengenai persoalan dan menjawab persoalan kajian yang dikemukakan dalam bab sebelumnya. Seterusnya, gambaran keseluruhan dapatan kajian ini membentangkan penemuan utama atau trend yang dikenal pasti. Dapatan kajian melalui kaedah kualitatif mendedahkan aspek dan peranan penting yang tertentu. Keputusan ini mewujudkan asas untuk pemahaman yang mendalam mengenai objektif tertentu yang dikaji.

Pengkaji menjalankan beberapa proses untuk mencapai tujuan kajian. Pengkaji telah menemu bual tiga orang responden untuk mencapai matlamat kajian dan meluaskan pengetahuan. Antaranya Tengku Ahmad Ainayatullah (cucunda kepada Tengku Besar Sulaiman), Muhammad bin Zahari (Timbalan Ketua Kurator), dan Haji Hisham Bin Hamza (Kakitangan Perpustakaan Awam Daerah Kuantan). Haji Hisham juga merupakan bekas penjawat awam yang bekerja di perpustakaan awam lama di Istana Leban Tunggal. Hasil kajian ini juga membolehkan pengkaji membentangkan segala hasil maklumat yang dicari berhubung dengan objektif kajian yang dikemukakan.

4.2 PROSES DAPATAN KAJIAN

Proses dapatan kajian ialah satu siri langkah terancang dan sistematik yang dijalankan oleh penyelidik untuk mereka bentuk, melaksanakan dan menganalisis penyelidikan dengan tujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang sesuatu fenomena atau menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Proses ini melibatkan pelbagai peringkat yang dijalankan secara berurutan bagi memastikan kajian dijalankan dengan baik dan keputusan yang diperolehi adalah boleh dipercayai dan relevan. (Fraenkel, 2007)

4.3 HASIL DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian merangkumi semua dapatan yang diperoleh daripada proses penyelidikan, pengumpulan data dan kesimpulan. Dapatan hasil kajian ini juga dapat memberi sumbangan berharga kepada pengetahuan dalam bidang yang dikaji, serta menyediakan asas untuk pembelajaran dan tindakan selanjutnya. Dengan adanya hasil penyelidikan yang jelas, penyelidik dapat memastikan bahawa penemuan ini dapat memberi impak yang bermakna kepada masyarakat dan para penyelidik yang lain.

4.3.1 SEJARAH ISTANA LEBAN TUNGGAL

Istana Leban Tunggal memiliki seni bina Melayu klasik merangkumi kekayaan budaya dan nilai seni bina yang tinggi di tengah-tengah bandar Pekan, Pahang. Sebagai salah satu bangunan bersejarah yang menandakan sejarah bandar ini. Istana ini bukan sekadar bangunan bersejarah tetapi juga simbol penting yang mencerminkan identiti budaya Pahang dan Malaysia keseluruhannya. Pembinaan Istana Leban Tunggal bermula pada pertengahan abad ke-19 iaitu dibina pada 1935 dan siap pada 1938, diilhamkan dan digerakkan oleh Sultan Ahmad Muadzam Shah I Pahang dan dilaksanakan oleh Almarhum YAM Tengku Besar Pahang II, Tengku Sulaiman ibni Almarhum Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah. Perbelanjaan untuk membina istana tersebut adalah dianggarkan sebanyak RM25,000.00. Selain itu, menurut Encik Muhammad, pelan istana ini direka oleh seorang pereka yang bernama Yang Mulia Raja A. Nizam dan kerja-kerja pembinaan diberikan kepada kontraktor Cina dari Bentong serta tukang kayu dari orang Melayu. Kerja-kerja pembinaan ini melibatkan seramai empat belas orang pekerja dalam menyiapkan bangunan itu.



Rajah 4.1 :Istana Leban Tunggal pada zaman dahulu (1938)

Sumber: Bentara MangkuBumi: Istana Leban Tunggal (2011) *Blogspot*

Tambahan pula, selepas almarhum Tengku Besar Sulaiman mangkat pada tahun 1962, waris baginda iaitu Tengku Abdul Jalil telah mendiami istana tersebut akan tetapi tidak bertahan lama. Hal ini dikatakan demikian kerana Tengku Besar Abdul Jalil mempunyai rumahnya sendiri yang berdekatan dengan istana itu dan beliau telah berpindah di kediamannya sendiri. Namun begitu, istana tersebut telah diserahkan kepada pewaris-pewaris yang lain. Di samping itu, menurut cerita lisan yang mengatakan bahawa istana ini nyaris tergadai sewaktu Tengku Besar Jalil memilikinya. Ini adalah kerana terlalu percaya kepada orang yang rapat. Menurut sumber lain, orang itu mahu menggadaikannya kepada bank untuk didirikan sebuah panggung wayang.

Namun begitu, kesilapan ini disedari oleh pewaris-pewarisan yang lain dan akhirnya istana dapat diselamatkan.

Kepentingan istana ini dalam konteks sejarah Pahang tidak boleh diabaikan. Ia menjadi saksi kepada era kegemilangan dan perubahan yang menggambarkan kehadiran kuasa diraja dan kehidupan istana pada masa lalu. Namun begitu, menurut sumber lain, nama "Leban Tunggal" yang dipilih untuk istana ini merujuk kepada pokok leban besar yang tumbuh megah bertentangan dengan istana.



Rajah 4.2: Dua Ekor Singa Di Depan Istana

Sumber: Penyelidik(2023)

Dari perspektif seni bina, Istana Leban Tunggal memancarkan kehebatan seni bina Melayu klasik. 2 kubah yang berada sisi kiri dan kanan, ukiran kayu halus dan perhiasan tradisional menghiasi setiap sudut bangunan, memberikan pengunjung pengalaman visual yang menakjubkan. Pesona seni bina ini bukan sekadar kesan estetik, malah merupakan pewaris kepada warisan seni bina Melayu yang terpelihara. Bentuk istana ini adalah separuh batu dan separuh kayu serta merupakan bangunan dua tingkat. Di kawasan istana ini juga terdapat seri taman dengan dua ekor singa yang diperbuat daripada batu iaitu berhadapan istana ini. Di samping itu, juga terdapat sebuah balai iaitu rumah kayu setingkat bertiang yang digunakan bagi orang mengadap. Istana ini didiami Tengku Besar Pahang sepanjang hayatnya. Fungsi istana sebagai kediaman rasmi Tengku Besar Pahang dan keluarganya menambahkan lagi kepentingannya. Selain itu, istana ini merupakan pusat penting untuk menjalankan urusan diraja, menerima tetamu penting, dan mengadakan acara diraja yang terkenal. Istana ini menyampaikan peristiwa-peristiwa dan cerita-cerita yang mempunyai kaitan zaman Kesultanan Pahang. Oleh itu, istana Leban Tunggal sebagai lambang sejarah dan identiti budaya memainkan peranan penting dalam menyinari warisan negara. Pemeliharaan

dan pemuliharaan adalah tanggungjawab bersama untuk memastikan bangunan ini dapat dikenali oleh generasi akan datang.

a) Asal Mulanya Pembinaan Istana

Menurut kajian lepas daripada Jasmin Juanid, M.Nasir Ab Samad, Ahmad Badri, M.Zawawi, Lulu Albasrawy, Naziaty M. Yaacob (1982), pada awalnya Kerabat Diraja menetap di Kuala Pahang dan berpindah ke Bandar Pekan Lama. Semasa istana ini mula dibina Sultan yang memerintah pada ketika itu ialah Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah iaitu ayahanda Tengku Besar Sulaiman. Selepas Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah mangkat, Sultan Abdullah, abang kepada Tengku Besar Sulaiman mengambil alih takhta Sultan Pahang. Sebaik selepas Sultan Abdullah menjadi Sultan, Tengku Besar Sulaiman telah merancang untuk membina sebuah istana.

b) Peringkat sebelum Pembinaan Istana

Semasa pembinaan Istana Leban Tunggal, beliau telah mendiami di dalam istana sementara iaitu rumah kayu yang terletak berdekatan dengan tapak istana yang sedang dibina pada masa itu. Hal ini memudahkan beliau untuk memantau dan mengawal kerja-kerja pembinaan yang sedang giat dilakukan. Tambahan pula, Tengku Besar


Sulaiman pada masa itu telah memegang jawatan sebagai Ketua Sekolah-Sekolah Ugama bagi Negeri Pahang. Semasa pemegangan jawatan, beliau sering berkunjung ke Kuala Lumpur dan Singapura. Namun begitu, beliau telah membeli satu pelan istana daripada seorang pereka bangunan, Raja A. Nizam yang berharga RM 500. Tarikh mulanya pembinaan ialah pada bulan Mei, 1935.

c) Peringkat Permulaan Pembinaan

Sebelum pembinaan istana dimulakan, tanahnya merupakan tanah paya. Tanah Paya itu terpaksa ditimbuluskan untuk membangunangkan sebuah tapak istana. Bahan untuk membuat konkrit dan batu bata telah dibawa dari Bentong manakala kayu pula telah didapati dari Kuantan dan Terengganu. Tambahan pula, semasa pembina istana sedang giat dijalankan, Tengku Besar Sulaiman telah meminjam wang daripada kerajaan sebanyak RM 13000 untuk membiayai kos pembelanjaan untuk membina istana itu. Pada mulanya kerja-kerja pembinaan di tingkat bawah telah mengambil masa selama lapan bulan manakala kerja-kerja pembinaan di tingkat atas mengambil masa hampir 2 tahun. Istana ini mengambil jangka masa yang panjang untuk didirikan sehingga pada tahun 1938 telah siap sepenuhnya.

d) Peringkat Akhir Pembinaan

Di peringkat ini tahap pembinaan istana hampir siap. Tengku Besar Sulaiman mendiami bersama keluarganya bersama tukang kayu Melayu, yang diberi gaji dan tempat tidur, dan diberi makanan sepanjang tempoh melaksanakan kerja-kerja pertukangan dan ukiran.


e) Carta keluarga Tengku Besar Sulaiman

Carta Alir 4.1: Keluarga Tengku Besar Sulaiman

Sumber: Kajian Lukisan Terukur Universiti Teknologi Malaysia (1981/1982)

Tengku Besar Sulaiman, putera keempat Almarhum Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah, merupakan tokoh yang mempunyai kedudukan istimewa dalam sejarah kerabat diraja. Beliau dilahirkan pada tahun 1884, sebahagian daripada generasi yang menyaksikan pelbagai perubahan dan peristiwa penting pada zaman Kesultanan Pahang ketika itu. Almarhum Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah, selaku ayahanda Tengku Besar Sulaiman, merupakan tokoh yang memainkan peranan penting dalam pemerintahan tersebut. Dengan kelahiran Tengku Besar Sulaiman sebagai putera keempat, kedudukannya dalam kerabat diraja juga menggambarkan perkaitan yang rapat dengan tradisi dan warisan diraja. Tengku Besar Sulaiman telah berkahwin dengan beberapa orang wanita. Antaranya ialah Cik Aliah Haji Muda Zainal Abidin, Cik Rokiah binti Tuan Besar, Sy Ngah, Che Wan Kalsom, Cik Hapipah, Hajjah Aminah binti Ahmad dan lain-lain. Hasil perkahwinannya, Tengku Besar Sulaiman dikurniakan tujuh cahaya mata. Antaranya termasuklah YM Tengku Abdul Jalil, YM Tengku Abdul Majid, Tengku Zainab, Tengku Azmah, YM Tengku Aminah, dan lain-lain.

f) Salasiah Ringkas Bendahara Dan Sultan Pahang



Carta Alir 4.2: Salasilah Ringkas Bendahara Dan Sultan Pahang (1770 - 1991)

Sumber: Tradisi Prasejarah Pahang Darul Makmur (1800-1930)

g) Perpustakaan Awam Daerah Pekan

Menurut Encik Muhammad, selepas kemangkatan Tengku Besar Sulaiman, istana dan tanah telah diwariskan kepada pewaris-pewarisnya. Namun begitu, Tengku Abdul Jalil iaitu anak kepada Tengku Besar Sulaiman enggan mendiami di istana tersebut. Isteri Tengku Besar Sulaiman iaitu Cik Rokiah bt Tuan Besar telah mendiami sehingga tahun 1972 bersama keluarganya. Menurut cerita daripada Cucunda Almarhum Tengku Besar Sulaiman iaitu Tengku Ahmad Ainayatullah mengatakan istana tersebut dijaga oleh waris terdahulu dan kemudiannya mereka mengadakan perbincangan luar bersama pihak Muzium Negeri Pahang untuk diserahkan dan dijaga kepada mereka. Menurut maklumat lain yang diperolehi pihak muzium Negeri Pahang telah membeli istana untuk menjadi hak milik kerajaan Negeri Pahang bagi memudahkan kerja-kerja pemeliharaan bangunan bersejarah tersebut.

Namun begitu, bermulanya bangunan istana yang terbiar dan pihak muzium telah mengambil inisiatif untuk membaik pulih istana. Tambahan pula, Perpustakaan Awam Daerah Pekan pada ketika itu tiada bangunan dan pihak muzium telah meminjamkan Istana Leban Tunggal untuk dijadikan perpustakaan. Perpustakaan tersebut telah beroperasi pada tahun 1994/ 1995 sehingga Mac 2011.


Sebelum ini, Istana Leban Tunggal berfungsi sebagai Perpustakaan Awam Daerah Pekan sehingga Mac 2011. Hal ini kerana Perpustakaan Awam Daerah Pekan telah berpindah ke bangunan baharu. Selepas pemindahan tempat, Istana Leban Tunggal diserahkan kepada Jabatan Warisan Negara untuk diwartakan. Oleh itu, menjadikan bangunan sebagai pusat ilmu dan rujukan, ia memainkan peranan penting dalam menyokong pendidikan dan pembelajaran dalam masyarakat setempat pada zaman dahulu .Oleh yang demikian itu, Istana Leban Tunggal dapat menyumbang kepada peningkatan pengetahuan dan kefahaman dalam kalangan masyarakat.

Menurut sumber daripada Encik Tuan Haji Hisyam Bin Hamzah merupakan pegawai perpustakaan Daerah Kuantan mengatakan bahawa ruang bangunan istana digunakan sepenuhnya. Sebelum beliau ditempatkan di Perpustakaan Daerah Kuantan, beliau juga pernah berkhidmat di perpustakaan lama iaitu Perpustakaan Awam Daerah Pekan yang terletak di Istana Leban Tunggal. Tambahan pula, ruang bawah dijadikan ruang pengurusan. Manakala ruang atas dijadikan ruang bacaan sahaja. Disamping itu, ruang belakang dijadikan ruang untuk perpustakaan bergerak, proses buku dan stor buku. Pelan dibawah menunjukkan gambaran susun atur semasa istana dijadikan perpustakaan awam.



Rajah 4.3: Pelan Lantai bawah Perpustakaan

Sumber: Penyelidik



Rajah 4.4: Pelan Lantai Atas Perpustakaan

Sumber: Penyelidik

h) Rangka Sejarah Istana Leban Tunggal



Carta alir 4.3: Sejarah Perjalanan Istana Leban Tunggal Sehingga Kini

Sumber: Penyelidik

Carta alir ini dibuat bertujuan memudahkan pengkaji memberi

gambaran ringkas mengenai sejarah yang dilalui oleh istana tersebut.

Namun begitu, pengkaji telah menceritakan sejarah dan latar belakang istana di muka surat sebelumnya.

4.3.2 NILAI KEPENTINGAN WARISAN

Menurut Pegawai Muzium iaitu Encik Muhammad, beliau berpendapat istana ialah sebagai simbol kepada sejarah dan merupakan mercu tanda berharga dalam konteks warisan budaya. Hal ini demikian kerana pengkaji dapat memahami dan memelihara nilai-nilai kepentingan warisan yang meluas. Hal ini termasuk aspek budaya, pendidikan dan pemeliharaan yang menjadi asas kepada pembangunan Istana Leban Tunggal. Oleh itu, pengkaji akan menerangkan mengenai nilai kepentingan warisan sesebuah istana terutamanya Istana Leban Tunggal.



Carta Alir 4.4 :Nilai Kepentingan Warisan

Sumber: Penyelidik

a) Nilai Sejarah

Istana Leban Tunggal bukan sekadar bangunan bersejarah tetapi pusat peradaban dan budaya di Bandar Pekan. Menelusuri sejarahnya memberikan gambaran mendalam mengenai perubahan zaman, seni bina bangunan dan peristiwa penting yang terjadi terhadap monumen tersebut. Sejarah Istana Leban Tunggal menyajikan peristiwa-peristiwa dari masa ke semasa. Meneliti jejak sejarahnya dapat memberikan gambaran yang mendalam mengenai bagaimana istana ini menyesuaikan dengan perubahan di sekeliling dan bertahan dalam perubahan zaman. Bermula dari era kegemilangan hingga ke zaman kini yang penuh dengan cabaran. istana ini menjadi saksi bisu kepada evolusi bandarnya.

b) Pendidikan dan Pengetahuan

Transformasi Istana Leban Tunggal menjadi pusat rujukan dan sumber maklumat menunjukkan kepentingan sebagai penyediaan pendidikan serta ilmu kepada masyarakat setempat pada masa itu. Hal ini dikatakan demikian kerana perpustakaan mempunyai pelbagai jenis

buku dan kemudahan yang disediakan. Istana ini menjadi tempat penting untuk pelajar, penyelidik dan orang ramai meneroka serta mendalami ilmu.

c) Ekonomi dan Pelancongan Tempatan

Istana sebagai tarikan pelancong dapat memberi impak positif kepada ekonomi tempatan. Istana Leban Tunggal yang mempunyai sejarah dan keindahannya dapat menjadi tarikan utama pelancong tempatan. Acara kebudayaan, pameran seni atau lawatan berpandu dapat memberikan pengalaman yang unik kepada penduduk tempatan. Selain itu, menurut pegawai muzium selepas proses baik pulih bangunan, istana akan menjadi sebagai tempat pendidikan dan kesedaran budaya yang dapat menarik pelancong supaya mencari pengalaman yang lebih mengasyikkan. Tambahan pula, aktiviti pembelajaran, bengkel dan lawatan juga dapat menarik minat pelajar terhadap sejarah.

d) Pemeliharaan dan Penyelenggaraan

Projek pemeliharaan dan pemuliharaan istana dapat mewujudkan pekerjaan tempatan dalam pembinaan, seni bina serta kerja seni halus pada zaman dahulu. Ini bukan sahaja menghidupkan

semula istana tetapi juga memberi kesan ekonomi secara langsung kepada masyarakat. Disamping itu, Penglibatan masyarakat tempatan dalam pengurusan dan menjaga istana dapat memberi sumbangan besar kepada monumen tersebut. Penyelenggaraan bangunan istana seperti Istana Leban Tunggal amat penting bagi memastikan kelestarian dan keindahan warisan ini. Proses pemeliharaan melibatkan satu siri langkah yang direka bentuk untuk menyelenggara, menjaga dan memulihara bangunan atau objek supaya ia kekal berfungsi, selamat dan mengekalkan nilai sejarah atau budayanya.



Rajah 4.5: Kerja-Kerja Konservasi Dan Naik Taraf (2023)

Sumber: Penyelidik

Secara keseluruhannya, kepentingan warisan Istana Leban Tunggal adalah sesuatu yang melangkaui sempadan zaman dan generasi. Dengan mengekalkan dan memahami nilai-nilai ini, pengkaji dapat memahami kepentingan dalam aspek budaya, pendidikan dan kemapanan supaya mewujudkan warisan yang hidup dan bermakna.

e) Nilai Seni Bina


Seni bina bangunan istana Leban Tunggal merupakan seni bina tradisional dan kolonial. Hal ini dikatakan demikian kerana seni bina bangunan itu menggabungkan bahan batu bata dan kayu. Pada asalnya, pelan reka bentuk bangunan istana ini lebih besar daripada ukuran yang kini. Oleh kerana Tengku Besar Sulaiman ingin mengurangkan pengeluaran kos pembinaan tersebut, beliau telah meminta kontraktor Cina untuk mengecilkan sedikit saiz daripada pelan asal. Tambahan pula, pada zaman dahulu merupakan zaman pemerintahan penjajah, kemungkinan reka bentuk istana mengikut selera budaya barat, akan tetapi ruang di dalam istana masih menonjolkan seperti istana-istana melayu. Jasmin Juanid, M.Nasir Ab Samad, Ahmad Badri, M.Zawawi, Lulu Albasrawy, Naziaty M. Yaacob (1982).



Rajah 4.6: Istana Leban Tunggal (2023)


Sumber: Penyelidik (2023)

Seterusnya, istana Leban Tunggal mempunyai konsep simetri iaitu konsep dua belah sama yang ada pada istana. Hal ini dikatakan demikian kerana tiang-tiang bangunan istana berkonseptan simetri. Menurut Jasmin Juanid, M.Nasir Ab Samad, Ahmad Badri, M.Zawawi, Lulu Albasrawy, Naziaty M. Yaacob (1982), menceritakan mengenai tiang konkrit yang berbentuk bulat di hadapan mempunyai seni bina Greek. Manakala seni ukiran melayu yang diukir oleh tukang kayu menambahkan keaslian konsep tradisional terhadap istana Leban Tunggal. Selain itu, seni bina bangunan di tingkat atas bangunan keseluruhannya menggunakan kayu.



Rajah 4.7 : Reka Bentuk Tiang-Tiang Bulat Istana Leban Tunggal

Sumber: Kajian Lukisan Terukur Universiti Teknologi Malaysia
(1981/1982)



Rajah 4.8 : Seni Ukuran Melayu Bermotifkan Flora

Sumber: Kajian Lukisan Terukur Universiti Teknologi Malaysia

(1981/1982)


Memelihara seni bina bangunan bersejarah bukan hanya mengekalkan struktur fizikal, tetapi juga tentang menghormati nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Daripada identiti budaya kepada keindahan estetika, daripada pendidikan kepada ekonomi tempatan, warisan ini memberi impak yang luas dan penting kepada masyarakat. Justeru itu, semua pihak bertanggungjawab menjaga dan menghargai warisan ini agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

(Mohammad, 2023)

4.3.3 ISU DAN CABARAN PEMELIHARAAN ISTANA

Isu dan cabaran merujuk kepada perkara atau situasi yang menjadi tumpuan perhatian dan memberikan cabaran kepada sistem, masyarakat atau individu. Isu sering melibatkan pertikaian, perbezaan pendapat atau ketidakseimbangan dalam masyarakat. Isu mengenai istana merujuk kepada kontroversi atau perbincangan yang melibatkan kediaman rasmi pembesar negeri atau istana diraja. Mengikut pembacaan pengkaji isu merujuk kepada perkara, situasi atau topik yang mendapat perhatian dan dapat mencetuskan perbualan atau perdebatan. Isu dapat meliputi pelbagai bidang seperti politik,

ekonomi, sosial, alam sekitar, teknologi, dan lain-lain. Penjelasan isu ini selalunya melibatkan analisis mendalam mengenai punca, kesan dan implikasi yang berkaitan.



Carta Alir 4.5 : Isu dan Cabaran Pemeliharaan

Sumber: Penyelidik

a) Kos Pemeliharaan Yang Tinggi

Menurut Encik Muhammad selaku Pegawai Kurator Kanan Muzium Pekan, beliau mengatakan bahawa proses baik pulih bangunan istana memerlukan peruntukan yang banyak supaya kerja-kerja

konservasi, dokumentasi dan dilapidasi dapat dilakukan. Peruntukan yang tidak mencukupi bagi menjalankan kerja-kerja pemeliharaan, pemuliharaan dan dokumentasi di istana dapat menimbulkan pelbagai isu dan cabaran dalam usaha memelihara warisan budaya dan sejarah.

Projek pemeliharaan dan pemuliharaan istana sememangnya memerlukan pelaburan kewangan yang besar. Sekiranya peruntukan tidak mencukupi, ia akan mengakibatkan kesukaran untuk mendapatkan dana dan sumber kewangan dalam menjalankan projek pemeliharaan dan pemuliharaan. Ini termasuk kos untuk penilaian dan pemberian struktur fizikal serta pemeliharaan seni bina bangunan istana. (Mohammad, 2023)

Projek pemuliharaan dan pemeliharaan istana memerlukan kepakaran khusus dalam bidang warisan seni bina. Kekurangan kepakaran dan buruh yang mahir serta berpengalaman mengakibatkan ketidakupayaan untuk menjalankan kerja pemuliharaan dan pemeliharaan yang berkesan. (Mohammad, 2023)

Kerja dilapidasi ialah usaha untuk menjaga dan memelihara bangunan bersejarah. Manakala kerja dokumentasi adalah merekod dan menyelidik sejarah dan seni bina adalah penting untuk memahami dan memelihara warisan. Perolehan maklumat dan data yang tidak mencukupi, projek ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan mengakibatkan pengurangan kualiti hasil kerja. (Mohammad, 2023)

b) Sensitiviti Masyarakat

Sensitiviti masyarakat terhadap istana yang terbiar dapat melibatkan reaksi dan perasaan yang berbeza-beza bergantung pada konteks budaya, sejarah dan persekitaran setempat. Menurut Encik Muhammad juga isu sensitif masyarakat terhadap istana yang terbiar. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat melihat istana tersebut tidak terurus dan dibiar terbengkalai oleh pihak yang bertanggungjawab keatas bangunan itu. Menurut sumber daripada Pegawai Kurator itu juga, istana itu ditinggalkan selama 6 bulan selepas Perpustakaan Awam Daerah Pekan berpindah ke bangunan yang baharu. Pihak perpustakaan tidak memaklumkan perpindahan mereka kepada pihak muzium. Oleh itu, bangunan tersebut kelihatan tidak dijaga dan kebanyakan barang seperti kabel elektrik yang dicuri serta semak samun di bangunan itu. Oleh yang demikian, isu ini telah membangkit kemarahan warganet dan masyarakat setempat kerana istana Leban Tunggal adalah merupakan warisan budaya yang harus dipelihara. Hal ini juga telah mendapat pandangan negatif masyarakat terhadap pengurusan pemeliharaan oleh pihak muzium.


c) Kesukaran Mendapatkan Bekalan Bahan Gantian

Penyelenggaraan bangunan warisan seperti Istana Leban Tunggal melibatkan cabaran khusus terutama dalam mendapatkan bahan gantian yang sesuai seperti kayu dan atap kubah di bangunan itu. Menurut Pegawai Kurator Kanan Muzium Pekan, Istana Leban Tunggal mempunyai struktur dan hiasan kayu yang unik dan tersendiri. Bahan-bahan asal yang digunakan tidak terdapat di pasaran Malaysia atau tidak lagi dikilangkan. Sebagai contoh, pihak muzium mencari bahan asal yang sedia ada di Negara Thailand. Hal ini dikatakan demikian kerana bahan asal untuk membuat atap istana itu tiada di pasaran Malaysia. Tambahan pula, sumber kayu juga dan tukang kayu yang mahir di import dari Negeri Terengganu. Justeru, mencari bahan gantian yang bersesuaian dengan bahan asal di samping mengekalkan keaslian dan keunikan struktur kayu istana merupakan cabaran besar. Adalah penting untuk memilih bahan gantian yang mempunyai ciri dan kekuatan yang serupa dengan bahan gantian yang asal. Proses ini memerlukan penjagaan yang rapi untuk memastikan warna, corak dan tekstur gantian sepadan dengan bahagian bangunan yang perlu dipulihkan. Pemilihan bahan yang tidak sesuai dapat menyebabkan ketidakseragaman dan merosakkan keseluruhan estetika bangunan Istana Leban Tunggal. Oleh itu, keupayaan untuk mendapatkan sumber kayu yang memenuhi spesifikasi yang diperlukan juga dapat memberi

cabaran. Keterbatasan dalam pasaran atau persekitaran tempatan dalam menyediakan bahan gantian yang memenuhi keperluan penyelenggaraan.

d) Cuaca

Cabaran cuaca tidak menentu adalah isu yang semakin meruncingkan dengan perubahan iklim dan ketidakstabilan cuaca yang semakin ketara. Dalam konteks pemeliharaan bangunan seperti Istana Leban Tunggal, cuaca yang tidak menentu dapat mendatangkan cabaran yang serius. Perubahan iklim menyebabkan peningkatan suhu global dan haba melampau yang lebih kerap. Suhu yang melampau dapat menyebabkan kerosakkan terhadap bahan binaan seperti kayu dan batu. Ini boleh merosakkan struktur bangunan. Menurut bekas Pegawai Perpustakaan Daerah Pekan iaitu Encik Hisyam berkata semasa perpustakaan beroperasi di Istana itu mereka sering membaiki atap kubah kiri dan kanan kerana terdapat kebocoran. Oleh yang demikian itu, penyelenggaraan itu telah menyebabkan kos terhadap atap amat mahal. Gambar rajah di bawah menunjukkan siling yang dilihat dari ruang lapan segi kelihatan pecah akibat daripada kebocoran pada bumbung kubah yang bersalut zink.



Rajah 4.9: Siling Pecah Dalam Kubah

Sumber: Kajian Lukisan Terukur Universiti Teknologi Malaysia (1981/1982)

4.4 RUMUSAN

Bab ini merangkumi rumusan dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji daripada pelbagai sumber dan kaedah kajian yang dijalankan dalam mencapai tiga objektif kajian utama iaitu mengenal pasti sejarah dan latar belakang Istana Leban Tunggal, mengenal pasti kepentingan warisan istana serta menyiasat isu dan cabaran pemeliharaan istana ini. Dalam merumuskan dapatan kajian ini terdapat beberapa aspek utama telah diberi tumpuan dan penekanan supaya pengkaji dapat memahami sepenuhnya konteks sejarah, kepentingan warisan, dan cabaran pemeliharaan yang dihadapi oleh Istana Leban Tunggal.

Hasil kajian ini menyumbang pemahaman yang mendalam mengenai sejarah dan latar belakang Istana Leban Tunggal. Melalui pembacaan dan pencarian dokumen sejarah, temu bual dengan responden yang mempunyai kaitan terhadap istana. Sumber utama lain adalah untuk mengenal pasti tahun pembinaan, perubahan struktur, dan peristiwa penting yang melibatkan istana ini. Dapatan kajian ini menjadi asas yang kukuh untuk memahami warisan budaya dan sejarah yang diwarisi oleh Istana Leban Tunggal.

Objektif kedua kajian menekankan kepentingan warisan Istana Leban Tunggal. Kajian mendapati istana ini bukan sahaja kaya dengan nilai sejarah malah mengandungi unsur seni bina dan budaya yang memperkayakan warisan negara. Temubual Pegawai Kurator Muzium dan bekas Pegawai Perpustakaan Awam , ulasan literatur dan lawatan lapangan juga memberikan pandangan yang mendalam mengenai cara masyarakat tempatan dalam menghargai keunikan istana.

Dapatan kajian ini menggariskan isu dan cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan Istana Leban Tunggal. Daripada temu bual responden jelas menunjukkan kekurangan sumber kewangan, kesukaran mendapatkan bahan gantian tradisional untuk memenuhi keperluan dalam pemeliharaan yang berterusan adalah antara cabaran utama. Ini menunjukkan perlunya kerjasama yang lebih erat antara pelbagai pihak bagi mengatasi cabaran ini dan memastikan Istana Leban Tunggal terpelihara.

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan dapatan kajian daripada ketiga-tiga objektif kajian ini, kita dapat melihat betapa pentingnya mengekalkan Istana Leban Tunggal sebagai warisan budaya. Hasil kajian ini mendedahkan nilai sejarah, kepentingan warisan, isu dan cabaran terhadap Istana Leban Tunggal. Implikasi daripada penemuan ini juga akan menjadi asas kepada cadangan dan tindakan selanjutnya dalam usaha mengekalkan dan memelihara warisan ini untuk generasi akan datang.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini membawa pengkaji ke peringkat yang terakhir dalam penyelidikan ini dengan mengemukakan cadangan dan rumusan masalah kajian yang telah dikenal pasti sepanjang kajian dilakukan di Istana Leban Tunggal. Fokus utama bab ini adalah untuk merumuskan penyelesaian dan tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini, dengan matlamat untuk menjadikan istana ini sebagai warisan yang terpelihara dan lestari.

5.2 CADANGAN

Istana Leban Tunggal sebagai warisan sejarah yang berharga memerlukan usaha berterusan untuk meningkatkan sumber maklumat sejarahnya. Dengan memahami dan mewartakan warisan budaya ini kita dapat memelihara, menghargai serta mewarisi kisah-kisah yang terdapat pada bangunan bersejarah itu. Cadangan yang dapat dikemukakan pertama adalah untuk menyokong penyelidikan sejarah dengan lebih mendalam. Hal ini melibatkan penyelidikan arkib, dokumen asal dan koleksi sejarah daripada institusi budaya dan arkib serta muzium. Penyelidikan ini akan membawa kepada penemuan dokumen yang belum dilihat sebelum ini dan turut

membantu memperbanyakkan pemahaman kita mengenai sejarah Istana Leban Tunggal.

Seterusnya, peranan pihak muzium bekerjasama dengan institusi pendidikan dan penyelidikan adalah penting. Cadangan ini dapat menggalakkan hubungan yang erat bersama universiti, pusat penyelidikan sejarah dan institusi pengajian tinggi lain supaya dapat memberikan akses kepada pelajar dalam mencari sumber maklumat yang luas. Sebagai contohnya, Muzium dan institusi bekerjasama dalam mewujudkan program penyelidikan bersama. Hal ini melibatkan penyelidikan daripada kedua-dua pihak untuk menjalankan kajian dan penerokaan sejarah Istana Leban Tunggal. Program ini merangkumi topik seperti arkeologi, seni bina tradisional dan cerita lisan daripada masyarakat tempatan. Rentetan itu, pengumpulan sumber maklumat daripada masyarakat tempatan yang tinggal berhampiran dengan Istana Leban Tunggal adalah cara yang berkesan. Kaedah Temubual bersama penduduk tempatan membantu menghasilkan cerita dan maklumat yang tidak didokumenkan secara rasmi.

Disamping itu, Istana Leban Tunggal sebagai bangunan bersejarah yang kaya dengan seni bina tradisional, memerlukan langkah penyelenggaraan bangunan yang berhati-hati dan proaktif bagi memastikan warisan budayanya terpelihara. Satu pendekatan penting yang perlu dilaksanakan ialah sistem pemantauan berkala yang melibatkan penilaian berkala terhadap keadaan struktur bangunan. Sistem ini bukan sahaja bertujuan untuk mengesan kemungkinan kerosakan atau masalah struktur, tetapi juga untuk merancang langkah penyelenggaraan yang sesuai. Dalam konteks ini, melaksanakan sistem pemantauan berkala yang rapi melibatkan beberapa aspek

penting. Sebagai contohnya, menjalankan penilaian berkala terhadap keadaan struktur bangunan dengan jadual ditentukan mengikut keperluan penyelenggaraan dan keadaan cuaca tempatan. Penilaian ini harus melibatkan pakar struktur bangunan, arkitek dan orang yang mahir dalam seni bina tradisional. Tambahan pula, pemeriksaan dengan teliti keadaan dinding bangunan, termasuk menilai kestabilan struktur, menilai kerosakan seperti retak, mengelupas cat, atau pertumbuhan lumut dan kulat yang boleh merosakkan permukaan dinding bangunan.

5.3 KESIMPULAN

Pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap Istana Leban Tunggal merupakan satu tugas yang kompleks dan memerlukan perancangan yang rapi serta penglibatan semua pihak berkepentingan. Dengan menggabungkan teknologi moden, pengurusan kewangan yang bijak dan penyertaan masyarakat yang aktif, kita dapat memelihara istana sebagai warisan budaya yang tidak ternilai. Usaha ini bukan sahaja mengekalkan keindahan struktur istana tetapi juga mengekalkan hubungan emosi dan sejarah dengan masa lalu. Dengan adanya kerjasama erat antara kerajaan, Badan NGO dan Bukan NGO serta masyarakat, Istana Leban Tunggal dapat menjadi inspirasi kepada generasi akan datang. Kejayaan dalam melaksanakan strategi pemeliharaan ini akan memastikan nilai sejarah istana dapat dinikmati oleh seluruh masyarakat di masa akan datang. Istana Leban Tunggal akan kekal sebagai simbol kegemilangan sejarah dan kekayaan budaya yang mesti dikenang.


RUJUKAN

- Abd Jalal, A. F., Rahim, R. A. A., & Manap, M. J. A. (2022). Perkembangan Institusi Memori (LAM) pada Era British di Tanah Melayu: The Development of Memory Institution in the British Era in Malaya. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 31(1 (June)).
- Abdullah, M. S. Y. (2009). Zawiyah Shaykhuala: Pusat Penyebaran Islam di Alam Melayu Abad Ke-17 Masihi. *SARI*, 27(2), 87-118.
- Bumi, T. B. M. (2011). *BENTARA MANGKUBUMI: ISTANA LEBAN TUNGGAL*. BENTARAMANGKUBUMI.
<https://almuazzamshah.blogspot.com/2011/07/istana-leban-tunggal.html>
- Charles, H. (1978). *Journal of a Mission to Pahang*.
- A.F.A Jalal, A. Y. (2019). Kesedaran Muzium Baru di Malaysia. *Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*, 93-111.
- Farid, A., & Yusuf Adam Broughton. (2022). *Pahang dalam catatan kolonial*. Perpustakaan Negeri Pahang.
- Farid, A., Jalal, A., Alias, A., Maimunah, S., Affandi, R., & Rahim, A. (2024). Muzium Pahang dan Isu Penjajahan British di Tanah Melayu Pahang Museum and British Colonial Issues in Malaya. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 12(1), 2024. <https://doi.org/10.17576/jatma-2024-1201-07>
- Idid, S. Z. (1995). Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar: Panduan Mengenali Warisan Rupa Bandar Berasaskan Inventori Bangunan Warisan Malaysia. Bandar Warisan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Iskandar, Y., & Gopinath, A. (1992). *Tradisi persejarahan Pahang Darul Makmur, 1800-1930*. Tempo Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Kadir, T. A. Q. R. A., & Mohd, N. B. (2021). Architectural Regionalism during the Neo-Classical Era: Classifying the Architectural "Hybrid" Stylistic Forms.
- Kassim, P. S. J., Majid, N. A., Nawawi, N. M., & Qariyah, T. A. (2019). Modulations of Identities: A Regional Façade Design Resource from the Classicalised (Aristocratic) Vernacular. *Cultural Syndrome*, 1(1), 34-52.

- Linehan, W. (1973). *A History of Pahang*. M.B.R.A.S REPRINTS.
- M.Samsudin. (2013). Pengaruh Warisan Sejarah Dalam Industri Perlancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 99-109.
- M.Z. Ahmad, N. Z. (2014). Pelancongan Warisan dan Penerapan Konsep Pelancongan Lestari dalam Pemuliharaan "Khazanah" Negara: Satu Diskusi. *Proceedings o, Seminar on National -esilience*, 1-14.
- Othman, H. (2017). *Reprentasi Imaj Pelancongan Berasaskan Warisan Diraja di Bandar Kuala Kangsar, Perak dari Perspektif*. Malaysia: Universiti Sains Malaysia.
- R.A.CHE ROSE, N. K. (2017). *RoseIPengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak UNESCO George Town, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga dan Pelancong Tempatan*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris .
- Siti Nurain Marzuki, A. A. (2021). Tarikkan Perlancongan Berasaskan Warisan di Kuala Lumpur. *Journal Of Social Sciences And Humanities*, 244-247.
- Wong, M. H. (2019). Kajian Kepustakaan Indikator Pelancongan Warisan . *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 90-101.
- Zaharuddin, N. Z. (2023). Suaiguna Semula Bangunan Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan, Pahang (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

LAMPIRAN

RESPONDEN



NAMA: TENGKU AHMAD AINAYATULLAH

BERUSIA: 76 TAHUN

PERTALIAN: CUCUNDA TENGKU BESAR SULAIMAN

KEDIAMAN: BERHAMPIRAN DENGAN ISTANA LEBAN TUNGGAL

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




NAMA: ENCIK MUHAMMAD BIN ZAHARI
JAWATAN: PENOLONG KURATOR KANAN MUZIUM PEKAN, PAHANG




NAMA: ENCIK HAJI HISYAM BIN HAMZAH
JAWATAN: PEGAWAI PERPUSTAKAAN DAERAH KUANTAN
(BEKAS PEGAWAI PERPUSTAKAAN AWAM DI ISTANA LEBAN TUNGGAL)

ISTANA LEBAN TUNGGAL




PELAN LANTAI BAWAH




PELAN LANTAI ATAS

KELANTAN



PELAN BUMBUNG ISTANA LEBAN TUNGGAL



KERATAN B-B



KERATAN A-A ISTANA




PANDANGAN HADAPAN


PELAN PANDANGAN HADAPAN

MALAYSIA


KELANTAN



PELAN PANDANGAN BELAKANG




PELAN PANDANGAN SISI KIRI



PELAN PANDANGAN SISI KANAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENI BINA BANGUNAN




PELAN KUBAH




SENI UKIRAN KAYU BERMOTIFKAN FLORA

KELANTAN



KERANGKA BANGUNAN ISTANA



PELAN TAPAK

KELANTAN